

23/07/1998

Bersatu untuk satu matlamat: Daim

KUALA LUMPUR, Rabu - Kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengendalikan ekonomi negara harus diterima oleh semua pihak tanpa sebarang spekulasi, kata Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin.

Menurut beliau, sekarang adalah masanya untuk semua pihak bersatu bagi satu matlamat dengan meninggalkan perkara lain di belakang demi kepentingan negara.

"Dasar ekonomi negara akan diseimbangkan dengan mengambil kira dua kepentingan iaitu kestabilan kadar tukaran dan mengembalikan pertumbuhan.

"Kita akan tekad dalam mencapai matlamat ini serta berharap untuk membuktikan pengkritik kita silap," katanya pada perasmian Seminar Krisis Ekonomi di Malaysia dan Peranan Media anjuran Institut Pembangunan Komunikasi Asia (Aidcom) di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad.

Daim yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, pelbagai langkah dan dasar yang dilaksanakan kerajaan baru-baru ini untuk mengembalikan keyakinan perniagaan dan memulihkan ekonomi.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan menetapkan matlamat menstabilkan kadar tukaran ringgit, mengembalikan keyakinan pasaran dan menarik pelaburan langsung asing (FDI), sebagai keutamaan.

"Bagaimanapun hasil daripada langkah ini mungkin tidak dirasakan serta-merta kerana dasar kewangan dan kadar tukaran biasanya mengambil masa enam hingga 18 bulan untuk memberi kesan," katanya

Daim berkata, prospek ekonomi Malaysia bagi 1998 dan masa depan turut bergantung kepada faktor luaran di luar kawalan seperti kekukuhan ekonomi Jepun.

(END)